

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes kebocoran soalan peperiksaan yang berlaku bagi mengikut tempoh perkhidmatan setiap Menteri Pelajaran. Nyatakan tindakan yang telah dikenakan bagi setiap mereka yang terlibat bermula daripada kategori pelajar, ibu bapa, guru, pengawas peperiksaan, kakitangan jabatan pelajaran, syarikat pencetak, kakitangan Kementerian dan Menteri Pelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini, pada tahun 1998 (SPM) dan 2004 (STPM) pihak PDRM telah mengesahkan berlaku kebocoran kertas peperiksaan awam. Bagi kes kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta iaitu selain daripada menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada, KPM juga telah:

- i. Menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan

pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

- ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;
- iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;
- iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaaian pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;
- v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini daripada berulang.